

14 MAY 2000

Ling-Jawatan

MCA NAFI MINTA SATU LAGI JAWATAN MENTERI

KOTA KINABALU, 14 Mei (Bernama) --Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini menafikan dakwaan kononnya parti itu telah meminta diperuntukkan satu lagi jawatan dalam Kabinet persekutuan.

"Saya tidak mengetahui perkara itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Tahunan MCA Sabah, di sini.

Beliau berkata sebagai salah satu anggota komponen Barisan Nasional (BN), MCA tetap berpegang kepada tradisi parti untuk menyelesaikan sebarang masalah termasuk pelantikan anggota Kabinet dalam semangat kekeluargaan BN dan bukan secara terbuka.

Baru-baru ini, pemuda MCA Wilayah Persekutuan dan pemuda MCA Pulau Pinang dilaporkan telah mendesak agar parti itu diperuntukkan tambahan jawatan sama ada menteri, timbalan menteri atau setiausaha parlimen.

Apabila ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan jumlah anggota MCA dalam Kabinet persekutuan sekarang, Ling berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku ketua kepada 14 parti komponen BN bertindak adil dan telah mengambil kira kepentingan semua parti komponen dalam soal pengagihan jawatan dalam Kabinet.

"Jika perlu, beliau (Perdana Menteri) tahu untuk membuat perubahan ... kita mesti percaya kepada pemimpin kita," katanya.

Mengenai barisan baru anggota Majlis Tertinggi Umno, Ling berkata ia merupakan satu kombinasi yang baik di antara tokoh politik berpengalaman dan pemimpin muda.

Beliau berkata kombinasi itu mampu menghasilkan gabungan ide dan wawasan yang menyeluruh, sekaligus menyumbang ke arah pembangunan negara.

Terdahulu, dalam ucapannya, Ling berkata MCA akan terus berjuang memelihara kebajikan dan melindungi kepentingan masyarakat Cina di Sabah.

Beliau berkata kestabilan politik di Sabah sekarang menunjukkan MCA berada dalam landasan yang betul, dan oleh itu, masyarakat Cina di negeri ini perlu menyokong parti itu bagi memantapkan BN negeri.

-- BERNAMA

NT RI